

Tarbiah Akidah Dalam Surah Makkiyah
Melalui Kitab *Nazarāt Fī Kitābillah*
(Faith Education Through Meccan Surahs in *Nazarāt Fī*
***Kitābillah*)**

Siti Zaharah Hamid
Fatimahzahara0016@gmail.com
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abur Hamdi Usman
aburhamdi@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Sofiah Samsudin
sofiah@iium.edu.my
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin
syaidatun@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Al-Quran al-Karim diturunkan sebagai penyembuh jiwa dan panduan manusia. Kitab rujukan utama umat Islam ini mengandungi tarbiah dalam pelbagai aspek dan untuk memahaminya ilmu tafsir telah membantu mendalami aspek tarbiah dengan lebih terperinci. Kajian ini menfokuskan kepada unsur tarbiah yang terdapat dalam empat surah Makkiyah dalam *Jūz ‘Ammā* yang telah digarap dari kitab *Nazarāt fī Kitābillah* karya Zainab al-Ghazali (w. 2005), iaitu surah al-Kāfirūn, al-Ikhlāṣ, al-Falaq dan al-Nās. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan, kajian ini mendapati Zainab al-Ghazali (ZAG) adalah tokoh mufassirin wanita dari Mesir yang sangat berdedikasi dalam mendidik generasi Muslim melalui tarbiah. Kaedah

yang digunakan oleh ZAG adalah terjemahan secara langsung dengan pendekatan *da'wī* dan *tarbawī*. Kajian ini turut membuktikan unsur-unsur tarbiah akidah dalam surah Makkiyah telah berjaya membina generasi kepimpinan Muslim unggul yang patuh dengan ajaran Allah dan tetap dalam akidah dan ajaran Islam sehingga dapat membina beberapa kerajaan Islam di serata dunia.

Kata Kunci: Zainab al-Ghazali, tarbiyyah, akidah, Makkiyah.

ABSTRACT

Al-Quran al-Karim was revealed as a purification of the soul and guidance for mankind. This main reference book for Muslims contains education in various aspects, and to understand it the knowledge of Quranic exegesis has helped us to delve into the elements of education in more detail. This study focuses on education aspects in four Meccan surahs of *Jūz 'Ammā* which have been analysed on *Nazarāt fī Kitābillah* by Zainab al-Ghazali (d. 2005), namely al-Kāfirūn, al-Ikhlāṣ, al-Falaq and al-Nās. By adapting content analysis method, the study found that Zainab al-Ghazali (ZAG) was a woman exegete from Egypt who was very dedicated in educating the Muslim generation through education. The method used by ZAG was direct translation, with *da'wī* and *tarbawī* approaches. The study also proved the elements of education in faith by Meccan surahs which have succeeded in building a generation of superior Muslim leadership who are obedient to the teachings of Allah and remain steadfast in the teachings of Islam and was able to build Islamic governments all around the world.

Keywords: Zainab al-Ghazali, education, aqidah, Meccan.

1. PENDAHULUAN

Akidah merupakan kunci hubungan dan keyakinan umat Islam kepada Allah SWT. Perkara pertama yang dilakukan Rasulullah SAW ketika diutuskan sebagai Rasul adalah membetulkan akidah masyarakat yang telah terpesong. Di Malaysia, umat Islam berpegang dengan akidah berdasarkan aliran Ahli Sunnah Waljamaah. Meskipun pembelajaran

akidah ini telah diterapkan sejak bangku sekolah lagi, namun cabaran penghayatan akidah kini berada di tahap yang membimbangkan (Wazir, Usman, Mohd Salleh, Sudi, Awang & Rosman, 2020). Untuk melahirkan insan yang berakidah dan berakhlak mulia sememangnya menjadi hasrat dan cita-cita semua pihak. Hasrat ini sejajar dengan dasar sistem pendidikan yang berhasrat untuk melahirkan warganegara yang berilmu, berketrampilan, mempunyai nilai bagi menghadapi cabaran globalisasi serta perkembangan pesat sains dan teknologi, maka sewajarnya tarbiah akidah Islam ini menjadi nadi utama dalam sistem pembelajaran para penuntut sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun di institusi pengajian tinggi (Ibrahim, 2016).

Apabila dilihat dari konteks individu, akidah merupakan asas yang mampu melahirkan insan yang mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT seterusnya membentuk keimanan, kerohanian, keilmuan serta penghayatan dan amalan bagi melahirkan individu yang seimbang emosi, rohani dan akalinya dengan amalan dan tingkah laku fizikalnya (al-Ashqar, 1984). Perbuatan meletakkan ajaran nenek moyang atau pandangan dan perspektif masyarakat sebagai dasar tarbiah akidah akan menatijahkan akidah yang menyimpang serta jauh daripada apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Oleh itu, dalam membina akidah yang benar dan utuh dalam masyarakat, tarbiah dengan dasar yang benar iaitu berbalik kepada al-Quran dan Sunnah perlu diperkukuhkan (Naufal, 2017).

Akidah merupakan perkara yang paling dasar dalam pembinaan modal insan yang cemerlang. Perkara ini telah terbukti apabila penurunan al-

Quran yang bersifat rabbani (ketuhanan) telah menekankan pendekatan dari aspek akidah sebagai dasar yang terpenting dalam pembinaan komuniti Islam pada peringkat permulaan. Dari pendekatan tersebut, masyarakat Arab jahiliah telah berjaya ditransformasikan kepada satu ummah yang melakar sejarah ketamadunan manusia yang sangat unggul. Dalam konteks Malaysia, agama Islam telah diisytiharkan sebagai agama rasmi negara. Justeru, diandaikan bahawa unsur akidah Islam telah diterapkan ke dalam semua dasar negara dalam setiap aspek termasuk pendidikan atau tarbiah (Hamzah, Laki, Embong, & Din, 2015). Dalam pada itu, al-Qaraḍāwī (1983) telah menghuraikan kesan dan pengaruh akidah terhadap peribadi manusia, antaranya ialah:

- i. Akidah yang sahih melahirkan manusia yang benar-benar merdeka. Ini kerana mereka hanya menyembah Allah SWT Tuhan yang maha Kuasa, Tuhan yang Esa dan mereka yang menjadi hamba kepadaNya.
- ii. Akidah dapat membentuk manusia yang seimbang kerana keimanan yang sepenuhnya kepada Allah SWT menjadikan matlamat dan cara kehidupan adalah jelas dan ia mampu melihat persoalan dunia dan akhirat secara tepat.
- iii. Akidah juga sumber ketenangan. Hal ini kerana hati dan perasaan mereka yang berakidah dipenuhi dengan nilai-nilai positif serta mereka ini membina dan menjalani kehidupan dengan matlamat yang betul.

Bagi menghayati tarbiah akidah Islam, kefahaman yang jelas terhadap intipati al-Quran adalah amat penting khususnya melalui panduan yang diperolehi dari tafsir al-Quran dan ulasan mengenainya (Usman, Nasir, Salleh, Shahrudin, Wazir, & Shahabudin, 2020). Oleh itu, dalam artikel ini dibincangkan tarbiah akidah yang terkandung pada Surah Makkiyah dalam Kitab *Nazarāt fī Kitābillah* karya Zainab al-Ghazālī al-Jubailī (ZAG), mufasir wanita kontemporari abad ke-20 (Rochmad & Khaled, 2020). Surah yang dipilih untuk dibincangkan adalah surah al-Kāfirūn, al-Ikhlāṣ, al-Falaq dan al-Nās. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah terjemah secara langsung dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu bagi mengekalkan maksud asal tafsir yang telah dilakukan oleh ZAG. Terjemahan secara langsung dilaksanakan berdasarkan tafsir *Nazarāt fī Kitābillah* dengan menggunakan kaedah *da'wī* dan *tarbawī*. Seterusnya, beberapa unsur-unsur tarbiah akidah telah dikenal pasti dan dinyatakan pada akhir setiap surah.

2. BIOGRAFI ZAINAB MUḤAMMAD AL-GHAZĀLĪ AL-JUBAILY

ZAG merupakan rakyat Mesir yang lantang mempertahankan hak-hak wanita Islam berdasarkan apa yang diyakini beliau sebagai fahaman Islam yang betul. Beliau lebih terkedepan sebagai pejuang dan aktivis Islam yang menyertai Kesatuan Wanita Mesir (Egyptian Feminist Union) dan mengasaskan Persatuan Wanita Islam untuk menguruskan hal-ehwal dan aktiviti-aktiviti wanita berlandaskan ajaran Islam dan tujuan ke arah Islam. Jiwa Islam yang kukuh dalam diri ZAG telah ditanamkan oleh ayahnya sejak dari kecil lagi. Asas pembentukan peribadi Muslimah

solehah yang dimiliki oleh ZAG adalah hasil pendidikan dalam keluarganya yang mementingkan peribadi Islamiyyah.

2.1 Kelahiran dan Kewafatan

Zainab Muḥammad al-Ghazālī al-Jubaily dilahirkan pada 2 Januari 1917 bertepatan dengan 8 Rabiulawal 1335 H. di Mayeet Yaisy sebuah desa di pusat Mayeet Ghumar dalam daerah al-Daqilyah di daerah Buhairah, Mesir (al-Ghazali, 1989). ZAG adalah tokoh mujahidah terbilang yang melangkau zamannya. Pelbagai sumbangan telah diberikan untuk dunia Islam, di Mesir khususnya dan serata dunia amnya. ZAG merupakan mufasir perempuan pertama yang menafsirkan al-Quran lengkap dari juz awal hingga akhir, dan intisari ilmu yang ditafsir itu dicurahkan ke dalam kitab tafsirnya, *Nazarāt fī Kitābillah* (Qamariah, 2017). *Nazarāt fī Kitābillah* yang ditulisnya bertujuan untuk mengajak umat Islam kembali pada al-Quran dan memahaminya sebagai sumber petunjuk bagi umat Islam. Karya tafsir beliau ini memiliki perbezaan dan kecenderungan reformasi yang menjadi pendorong agar al-Quran dijadikan sebagai undang-undang umat serta menjadi jalan menuju kemajuan (Fitriyah, 2017).

ZAG wafat pada hari Rabu 3 Ogos 2005 bertepatan dengan 88 tahun umur beliau. Ternyata umur yang panjang yang dianugerahkan Allah pada beliau telah digunakan tanpa sia-sia sedikitpun, semuanya dikorbankan demi menegakkan agama Allah SWT yang mulia. Beliau terus menjadi idola dakwah kepada pejuang-pejuang Islam di seluruh

dunia. Beliau juga menjadi bukti kukuh bahawa sebenarnya Islam mampu membina wanita yang berjuang untuk Islam (al-Abdlie, 2019).

2.2 Pendidikan

ZAG bertalaqqi ilmu agama di tangan beberapa para ilmuan al-Azhar. Di antara ilmu-ilmu yang di pelajari adalah Hadis, Tafsir dan Fiqah. Di antara guru beliau adalah Syeikh Abdul Majid al-Libban, Syeikh Muhammad Sulaiman al-Najjar, Syeikh Ali Mahfuz dan Syeikh Ali Ja'far. Selain itu terdapat beberapa orang tokoh lain lagi dari kalangan al-Azhar yang mengijazahkan ZAG dalam ilmu Hadis, di antara mereka ialah Syeikh Ilyan dari Badan Ulama dan ketua Jabatan Fiqh Syafii di University Azhar. Di antara ulama tersebut, Syeikh Muhammad Sulaiman al-Najjar adalah yang terbanyak memberi kesan pada dirinya (Mursi, 2011). Melalui pendidikan ini ZAG berjaya menggabungkan antara disiplin ilmu moden dan pengajian tradisi yang berorientasikan pengajaran secara langsung daripada para guru.

2.3 Penglibatan dalam Persatuan

ZAG merupakan seorang tokoh pejuang wanita kontemporari yang tidak asing lagi dalam sejarah umat Islam. Ketika berumur 18 tahun, ZAG menyertai Kesatuan Wanita Mesir yang ketika itu begitu lantang menuntut dan memperjuangkan hak-hak wanita dalam masyarakat (Lewis, 2007). Pada tahun pertamanya dalam Kesatuan Wanita Mesir, ZAG turut terlibat dalam banyak perbincangan berhadapan ulama Al-Azhar. Melalui organisasi Kesatuan Wanita Mesir yang dinggotainya, beliau berjuang untuk membela hak-hak wanita dengan penuh semangat.

ZAG berkeyakinan bahawa perjuangan ke arah kebebasan hak-hak wanita ini masih termasuk dalam lingkungan yang dibenarkan oleh Islam, malah ZAG beranggapan itu adalah suatu usaha ke arah merialisasikan kesempurnaan Islam (Uthman, 2011).

Pada tahun 1937, ZAG menarik diri dari keanggotaan Kesatuan Wanita Mesir disebabkan tidak bersetuju dengan idea dan landasan perjuangan gerakan pembebasan wanita, setelah sebelum mendapat nasihat petunjuk dari ulama Mesir. Kemudiannya mengasaskan Pertubuhan Wanita Islam (Jama'at al-Sayyidat al-Muslimat) dan penggerak kepada Pertubuhan Akhawat Muslimah. Perkara utama perjuangan Zainab al-Ghazali adalah untuk memberi dan menyebarkan kefahaman Islam dalam pemikiran wanita, mendidik wanita mengenai hak-hak dan tanggungjawab mereka serta membawa perubahan dalam masyarakat yang berpandukan kepada ajaran al-Quran dan ahli sunnah (Mohd Ghazali & Sabjan, 2019).

Pertubuhan Wanita Muslimah ini bekerjasama dengan tenaga pengajar dari para ulama Al-Azhar, menyusun kelas-kelas pengajian di masjid-masjid di seluruh Mesir, seperti masjid Ahmad bin Tolon, masjid Al-Imam Syafie, Al-Jami' Al-Azhar, masjid Sultan Hassan dan selainnya. Melalui perkembangan tersebut, Pertubuhan Wanita Muslimah terus menyusun pelbagai kegiatan, di antaranya menubuhkan pusat dakwah bagi melahirkan para pendakwah wanita. Di mana dalam tempoh enam bulan para peserta berjaya mengikuti mata pelajaran Tafsir, Hadis Fiqah, Sirah dan pelbagai ilmu syarak sehingga mereka pula berkelayakan menyampaikan pengajian di masjid-masjid. Usaha-usaha ini diperluaskan ke berbagai aktiviti kebajikan dengan menyediakan rumah-rumah bagi

menempatkan anak-anak yatim dan bantuan kepada balu-baluh dan orang tua dan menjaga kepentingan mereka (Hashim & Mohamad Nor, 2009).

Hubungan ZAG dengan Gerakan Islam (Ikhwan Muslimin) pula bermula pada tahun 1937 selepas enam bulan beliau mengasaskan Pertubuhan Wanita Muslimah. al-Syahid Imam Hasan Al-Bana menawarkan Zainab untuk memimpin Sayap Akhawat, Ikhwan Muslimin (Anggraeni, 2016). Beliau bersuara lantang di dalam mentarbiah wanita untuk memainkan peranan sebagai ibu dan isteri di dalam memajukan sebuah Negara Islam. Walau pun begitu, beliau sering mengingatkan wanita untuk tidak bekerja luar rumah melainkan terdapat keperluan yang mendesak (Debian, 2017). Para ilmuwan Barat menganggap beliau sebagai pengasas feminisme wanita Islam, walaupun beliau sendiri membangkang kefahaman feminisme tersebut (Lewis, 2007). Pergolakan politik di Mesir menggugat aktiviti keanggotaan Ikhwanul Muslimin dan ia kian memuncak apabila Hasan al-Banna terbunuh. Tangkapan besar-besaran terjadi pada tahun 1965 dan ZAG menjadi salah seorang tahanan wanita yang ditangkap bersama tokoh-tokoh Ikhwanul Muslimin (Herry, 2019; Shafiyyah, 2003).

3. KONSEP TARBIAH AKIDAH DALAM ISLAM

Istilah tarbiah berasal daripada tiga akar kata *Rabā – yarbū* bermakna *zāda – namā* (bertambah dan subur). Pengertian ini terdapat dalam firman Allah SWT dalam surah al-Rum [30] ayat 39:

وَمَا آتَيْتُمْ مِّن رَّبٍّ لَّيْرَبُوهَا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرَبُّوهَا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُمْ مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ ٣٩

Maksudnya:

Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda.

Perkataan *rabbā - yarbū* bermaksud tumbuh dan berkembang. *Rabbā - yarubbu - tarbiyyatan* bermaksud memperbaiki, mengurus kepentingan, mengatur, menjaga dan memperlihatkan. Dalam al-Quran tidak ditemukan perkataan *al-tarbiyah*, namun terdapat istilah lain yang seakar dengannya, iaitu *al-rabb, rabbayānī, murabbī, yurbī, dan rabbānī*. Pada asasnya setiap perkataan tersebut mempunyai kesatuan makna, walaupun dalam konteks tertentu terdapat perbezaan (Ridwan, 2018). Menurut al-Mawdūdī, lafaz *rab* (رب) terdiri daripada dua huruf *rā'* dan *bā' tashdīd* yang merupakan pecahan daripada perkataan *tarbiyah* yang bererti pendidikan, pengasuhan, dan sebagainya. Selain itu, perkataan ini juga merangkumi pelbagai makna, seperti kekuasaan, persediaan, tanggungjawab, dan lain-lain. Lafaz *rab* bermaksud menyampaikan sesuatu sehingga mencapai kesempurnaan. Sehingga dikatakan *tarbiyah* kerana merujuk makna membetulkan sesuatu, menjaga dan memeliharanya sehingga mencapai kesempurnaan (Izzudin, 2002).

Tarbiah atau pendidikan adalah sesuatu yang sangat asasi dan penting bagi manusia. Dengan pendidikan, manusia dapat menguasai alam semesta demi mempertahankan hidup. Disebabkan per pentingnya pendidikan, Islam menempatkan pendidikan pada kedudukan yang sangat unggul (Usman, Shahrudin, & Abidin, 2017). Menurut Ibn Sina, tujuan pendidikan harus diarahkan kepada mengasah seluruh bakat dan potensi yang dimiliki seseorang ke arah kesempurnaan, yaitu perkembangan fisik, intelektual, dan budi pekerti. Selain itu, tujuan pendidikan perlu diarahkan kepada usaha mempersiapkan seseorang agar dapat hidup bersosialisasi dalam komunitas masyarakat secara mesra dengan menyumbang kepakaran yang dimiliki sesuai dengan kemahiran, kecenderungan, dan potensi yang dimiliki (Mujib, 1997). Tarbiah Islamiah adalah proses penyiapan manusia agar tercipta suatu keseimbangan dalam potensi, tujuan ucapan dan tindakan secara keseluruhan (Urwah, 1987). Jadi dapat disimpulkan pengertian tarbiah Islamiah adalah proses mempersiapkan individu dengan persiapan yang menyentuh seluruh aspek kehidupan meliputi ruhani, jasmani, dan akal fikiran. Demikian juga dengan kehidupan duniawi yang berhubungkait dengan kehidupan akhirat yang menjadikan Allah SWT reda.

Akidah pula berasal daripada perkataan bahasa Arab, iaitu *'aqada* yang bererti mengikat atau menyimpul. Perkataan akidah biasanya digunakan pada ikatan atau simpulan tali dan seumpamanya. Selain itu, ikatan itu juga membawa maksud perjanjian (Ibn Manzūr, 2005). Menurut istilah, akidah ialah perkara yang dibenarkan dan ditetapkan di dalam hati dengan yakin bahawa pegangan itu benar dan tidak ada keraguan padanya

(al-Ashqar, 1984). Sehubungan dengan itu, akidah menurut istilah am adalah kepercayaan atau keimanan yang muktamad tanpa sebarang keraguan bagi yang berpegang dengan kepercayaan tersebut. Takrifan ini adalah umum yang bermakna ia merangkumi semua jenis akidah yang hak mahupun yang batil, yang penting akidah yang dipegang di dalam hati penganut akidah tersebut (al-Ghazālī, 2005).

Tarbiah akidah membawa kepada penghayatan dan kefahaman yang mendalam tentang Islam merupakan asas kepada pembinaan sahsiah Islamiah dalam diri setiap Muslim. Ia merupakan inti kepada amalannya Islam seseorang. Jika seseorang Muslim tersebut tidak memahami dan menghayati akhlak dengan baik, maka amalannya tidak mendapat pengiktirafan daripada Allah SWT. Oleh yang demikian, pemahaman akidah mestilah ditanam di dalam jiwa setiap Muslim agar dapat menghayati keindahan Islam dan memperoleh ketenangan hati dalam memeluk Islam (Kasim, Hamid, & Jemali, 2017). Dalam rangka melestarikan tarbiah akidah pada era kontemporari, ulama akidah perlu menjadi penggerak ke arah menginsankan manusia mengikut acuan akidah Islam menerusi penyaksian keagungan ciptaan Allah yang tiada ditandingi berbanding kehebatan ciptaan manusia, khususnya aspek roh dan kemanusiaan. Justeru itu, ulama akidah perlu berubah ke arah memahami gejala-gejala perubahan sosial dalam pelbagai isu-isu kontemporari serta melakukan reformasi cara konvensional ke arah pendekatan hukum-hakam dan akidah yang utuh, berinovasi, sedia menerajui dan berdepan dengan cabaran-cabaran tuntutan perubahan yang bakal dihadapi (Ardae, 2020).

4. TARBIAH AKIDAH DALAM SURAH MAKKIYAH MENURUT ZAINAB AL-GHAZĀLĪ

Al-Quran telah diwahyukan oleh Allah SWT dan diturunkan kepada manusia untuk mentarbiah manusia sepanjang zaman dan kurun (Usman, Salleh, Shaharuddin, Wazir, Nasir & Razi Shahabudin, 2019). Antara tujuan tarbiah akidah adalah untuk mengakui keesaan Allah SWT sebagai tuhan yang wajib disembah. Selain itu, tarbiah ini juga bertujuan untuk membina pergantungan yang terus menerus terhadap Allah SWT dalam apa jua keadaan. Elemen yang diperlukan untuk menanam akidah yang benar di dalam diri adalah pemahaman yang benar terhadap kalimah tauhid, menanamkan rasa cinta terhadap Allah dan Rasul-Nya, merasakan diri diawasi oleh Allah SWT dan mentadabbur al-Quran serta menjadikan ia perhiasan diri yakni mengamalkannya dalam kehidupan seharian (Akmansyah, 2014).

Penyemaian akidah melalui tarbiah akan melahirkan insan yang berakhlak mulia. Ini kerana, akidah Islam memberi penekanan terhadap akhlak. Justeru, ayat-ayat makkiyah ini bukan sahaja menekankan aspek akidah namun terdapat juga aspek akhlak yang terselit di dalamnya (Azty et al., 2018). Bagi setiap manusia akidah itu adalah satu perkara yang sangat penting (Usman & Kadir, 2020), kerana dengan akidah sahajalah seseorang mempunyai tujuan dan matlamat dalam meneruskan kehidupan. Tanpa akidah atau kepercayaan manusia hidup di atas dunia ini dengan sia-sia. Bagi membentuk akidah yang mantap dan tetap ia memerlukan proses tarbiah agar akidah yang dibentuk dalam diri adalah

akidah yang sebenar-benarnya (Salleh, Tamuri, Usman, Haridi, & Zabidi, 2015).

Terdapat beberapa definisi yang dikemukakan oleh ulama untuk istilah Makkiyah, namun pendapat yang paling kuat ialah ayat-ayat al-Quran yang diturunkan selama 13 tahun sebelum Nabi Muhammad SAW berhijrah dari Mekah ke Madinah, sama ada ayat tersebut diturunkan di Mekah, Thaif atau di mana-mana sekalipun (al-Zuhailī, 1991). Surah-surah Makkiyah mengandungi isi yang sarat dengan penekanan terhadap tauhid (Usman & Ibrahim, 2014). Sehubungan dengan itu, kajian ini menfokuskan kepada unsur tarbiah yang terdapat dalam empat surah Makkiyah dalam *Jūz ‘Ammā* yang digarap dari kitab *Nazarāt fī Kitābillah* karya Zainab al-Ghazālī, iaitu surah al-Kāfirūn, al-Ikhlāṣ, al-Falaq dan al-Nās.

4.1 Menyokong kebenaran dan menolak kebatilan

Dalam surah al-Kāfirūn [109] ayat 1 hingga 6, Allah SWT berfirman:

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ۝ ۱ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ۝ ۲ وَلَا أَنْتُمْ عِبُدُونَ مَا أَعْبُدُ ۝ ۳ وَلَا أَنَا عَابِدٌ
مَا عَبَدْتُمْ ۝ ۴ وَلَا أَنْتُمْ عِبُدُونَ مَا أَعْبُدُ ۝ ۵ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ۝ ۶

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): “*Hai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku*”.

Ketika mentafsirkan surah di atas, ZAG menyatakan bahawa (al-Jubailī, 2006):

“Surah ini adalah merupakan perisytiharan berlepas diri (Barā’ah) daripada amal perbuatan yang dilakukan oleh orang musyrikin. Sesungguhnya Nabi SAW berlepas diri daripada agama mereka sepenuhnya. (Katakanlah) wahai Muhammad: Wahai orang-orang yang sentiasa memusuhi kebenaran dan menentangnya. Sesungguhnya Aku tidak menyembah segala bentuk kebatilan, patung-patung dan apa-apa sekutu (yang kamu sembah). Dan kamu dengan segala kebatilan kamu, sesekali tidak menyembah apa yang aku sembah iaitu Dia ialah Allah Yang maha Esa dan tidak ada sekutu bagi-Nya. Aku menyembah Allah SWT dengan cara yang Allah SWT suka dan Allah SWT reda. Sesungguhnya aku menyembah kebenaran sedangkan kamu menyembah kebatilan yang telah kamu sendiri menciptanya. Aku sekali-kali tidak akan menyembah selama-lamanya (apa yang kamu sembah) dan kamu juga tidak menyembah apa yang aku sembah. Bagi kamu agama kamu dan bagiku adalah agamaku. Agama kamu adalah kebatilan dan agamaku adalah kebenaran yang nyata. Maka bagi kamu kebatilan kamu dan bagiku adalah kebenaran dan kebaikan yang nyata. Maka tiada sesuatu yang disembah kecuali Allah SWT dan tiada jalan kepadaNya kecuali dengan apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW.”

Berdasarkan tafsiran di atas, ZAG merumuskan tentang sokongan kepada kebenaran dan menolak kebatilan. Rumusan ZAG ini menurut pengkaji dapat difahami dari sudut tarbiah surah ini yang memberi pengisytiharan jelas tentang perbezaan di antara perkara benar dan batil. Surah ini mendidik manusia agar dapat mengenal dengan jelas perbezaan antara kedua-duanya. Tarbiah ini adalah untuk mengiktiraf dan mendukung yang benar dan tuntutananya dan menolak (*barā’ah*) dan berlepas diri sepenuhnya dari kebatilan dengan segala bentuknya. Justeru itu, kita mestilah melaksanakan segala perbuatan yang benar dan meninggalkan atau menolak segala yang buruk dan batil.

Menurut ibn Kathīr (2000) surah ini menyatakan pembebasan diri daripada apa yang dilakukan oleh orang-orang musyrik, dan memerintahkan untuk membersihkan diri dengan sebersih-bersihnya dari segala bentuk kemusyrikan merangkumi semua orang kafir yang ada di muka bumi, meskipun lawan bicara dalam ayat ini ditujukan kepada kafir Quraisy. Di antara kejahatan mereka adalah mengajak Rasulullah SAW untuk menyembah berhala selama satu tahun, lalu mereka pun akan menyembah Allah SWT selama satu tahun. Maka Allah SWT. menurunkan surah ini dan memerintahkan kepada Rasul-Nya agar memutuskan hubungan dengan agama mereka secara keseluruhan.

Surah al-Kāfirūn secara umumnya mempunyai dua elemen yang penting, iaitu penolakan terhadap apa jua cara penyembahan selain yang diajarkan oleh Rasulullah dan toleransi dalam kehidupan bermasyarakat. Cara beribadah bagi umat Islam merupakan sesuatu yang tidak boleh dicampur tangan atau diperbaharui oleh seseorang kerana ia merupakan hak Allah SWT keseluruhannya, kedudukan manusia hanyalah untuk taat dan beribadah seperti mana yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Seterusnya, sifat toleransi sesama masyarakat yang berbilang agama perlulah dengan batas-batas tertentu seperti menjalankan tanggungjawab sosial dan menghormati antara satu sama lain (Fuadi, 2012). Sehubungan dengan itu, kajian menarik dijalankan oleh Muda, Mastor, & Tohar (2019) berkaitan faktor demografi dalam toleransi beragama dalam kalangan belia di Malaysia. Kajian mereka mendapati melalui salah satu ukuran bagi “kepercayaan bahawa semua agama adalah sama benarnya” adalah rendah bagi responden muslim. Ini kerana kepercayaan bahawa semua agama adalah sama benarnya adalah menyalahi akidah umat

Islam, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Kāfirūn ayat 6. Surah ini turut menegaskan bahawa setiap penganut bebas mengamalkan ajaran agama masing-masing dan dalam masa yang sama tidak mengganggu hak pegangan, kepercayaan dan cara hidup penganut agama lain. Perbezaan agama bukanlah menjadi penyebab akan kemunduran sesebuah negara, malahan Islam tidak pernah menghalang untuk mereka mempraktikkan apa yang mereka yakini dan anuti (Zahalan, Abous, & Bharuddin, 2019).

4.2 Mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT

Dalam surah al-Ikhlāṣ [112] ayat 1 hingga 4, Allah SWT berfirman:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ ۱ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ ۲ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ ۳ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝ ۴

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): “(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya.

Ketika mentafsirkan surah di atas, ZAG menyatakan bahawa (al-Jubailī, 2006):

“Mengesakan Allah SWT dan meyakini bahawa Allah SWT tiada sekutu bagi-Nya adalah merupakan perintah yang paling pertama dalam tugas risalah yang diamanahkan ke atas Nabi Muhammad SAW. Nabi SAW dengan penuh tanggungjawab baginda menyebarkan risalah kepada umatnya dan mengajak menyembah Allah SWT semata-mata tanpa sekutu bagi-Nya. Surah ini mengajak

manusia melalui lidah Rasulullah SAW untuk mengesakan Allah SWT dan menyembah-Nya. (Katakanlah Wahai Muhammad Dia, Allah SWT adalah Esa) ertinya satu, esa, sendirian dan tunggal tanpa bandingan, tanpa pembantu, tanpa persamaan dan tanpa penyerupaan. Maha Suci Allah SWT yang sempurna dalam segala sifat-sifat-Nya, dan segala perbuatan-Nya. Dia Maha Hidup dan Kekal tidak akan lenyap. Maka Allah SWT Esa pada zat-Nya, tiada berbilang, bahkan Dia Esa pada sifat-sifat-Nya. Maka tiada bagi selain-Nya sifat yang menyerupai sifat-Nya, dan Dia tunggal, dalam segala perbuatan-Nya (Tiada orang yang menyamai-Nya pada perbuatan-Nya atau menyerupaiNya pada sifat-Nya). Maha Suci Allah (Tidak melahirkan dan tidak dilahirkan dan tiada bagi-Nya sekutu walau satu pun) maka tiada bagi-Nya anak, tiada bapa dan tiada teman. Dia Pemilik segala-segalanya dan Penciptanya.”

Berdasarkan tafsiran di atas, ZAG menatijahkan pentafsirannya kepada perkara pengabdian diri hanya kepada Allah SWT. Konklusi ini dapat difahami menerusi intipati surah yang mengingatkan kepada umat Islam tentang asas utama akidah Islam, iaitu mentauhidkan Allah SWT dengan keyakinan yang nyata dan pengabdian yang sebenar-benarnya. Muslim mestilah melakukan sesuatu amal ibadah itu semata-mata kerana Allah SWT dan tidak sepatutnya menyekutukan Dia dengan sesuatu dalam zat, sifat dan perbuatan-Nya. Orang beriman juga mestilah yakin bahawa Allah SWT adalah tunggal, tidak dilahirkan dan tidak melahirkan dan tidak ada sesiapaupun yang serupa dengan-Nya. Dengan demikian, sifat Allah SWT adalah unik dan tidak boleh dibandingkan dengan apa sahaja atau siapa sahaja, sama ada dari segi fizikal, emosi dan kerohanian (Hamdan, Samian, & Muslim, 2017).

Menurut ibn Kathīr (2000) latar belakang penurunan surah ini sebagaimana yang dinukilkan daripada ‘Ikrimah bahawa ketika orang-orang Yahudi berkata: “*Kami menyembah Uzair anak Allah*”, dan orang-orang Nasrani mengatakan: “*Kami menyembah al-Masih putera Allah*”, orang-orang Majusi mengatakan: “*Kami menyembah matahari*

dan bulan”, dan orang-orang musyrik mengatakan: “*Kami menyembah berhala*”, maka Allah SWT menurunkan surah ini kepada Rasul-Nya.

Dalam surah al-Ikhlāṣ jelas dapat dilihat daripada *asbāb al-nuzūl* memfokuskan kepada tarbiah akidah yang menjurus kepada tauhid. Pada ayat pertama penekanan terhadap keesaan Allah SWT. Seterusnya, pada ayat kedua berkenaan dengan kekuasaan Allah SWT bahawa hanya kepada-Nya tempat meminta segala sesuatu. Akhir sekali pada ayat ketiga dan keempat penyucian dan menetapkan sifat kesempurnaan Allah SWT daripada sekutu dalam apa jua bentuk (Suryana, 2020).

Berdasarkan surah ini, Allah SWT telah menyediakan panduan kepada manusia bagi memilih jalan yang benar. Hal ini bermaksud, dalam konteks memilih kebenaran agama, kebebasan manusia tidaklah bersifat mutlak kerana dalam hal ini Allah telah menyediakan panduan kepada manusia untuk memilih jalan yang benar. Manusia yang menggunakan kebebasan memilih ini dengan menjauhi panduan yang sebenar akhirnya menyebabkan wujudkan kepelbagaian agama (Rahman, Khambali, Shapiee, & Kahar, 2020). Menurut Hamka (2018), mengakui Allah SWT sebagai Tuhan adalah pokok pangkal akidah, puncak dari kepercayaan. Tidak ada sesembahan lain, selain Dia. Pengakuan ke atas Keesaan dan Tunggal-Nya Tuhan, adalah kepercayaan yang dinamakan Tauhid. Mempercayai dengan sepenuh hati dan akal fikiran bahawa Allah SWT adalah Satu, dan tidak mungkin lebih dari satu Tuhan. Tidak ada yang menyamai-Nya mahupun menyerupai-Nya. Dia-lah tempat bergantung segala sesuatu yang dicipta-Nya. Dengan begitu, Allah SWT telah menetapkan elemen ketauhidan yang sebenar menerusi surah al-Ikhlāṣ.

Ayat tersebut merangkumkan tiga dasar yang utama iaitu pengisbatan keesaan Allah SWT, penolakan fahaman menyeleweng serta penyucian daripada keserupaan dengan makhluk. Maka, setiap pengisbatan kepada Allah SWT dalam konteks yang lari daripada perkara tersebut adalah batil dan menyeleweng serta perlu dihalang semampu mungkin (Meerangani & Ramli, 2016).

4.3 Memohon perlindungan hanya kepada Allah SWT

Dalam surah al-Falaq [113] ayat 1 hingga 5, Allah SWT berfirman:

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ۝ ١ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ٢ وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ۝ ٣ وَمِنْ شَرِّ
الْأَنْفُثَاتِ فِي الْعُقَدِ ۝ ٤ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ۝ ٥

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): “*Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk. Dari bencana makhluk-makhluk yang Ia ciptakan. Dan dari bahaya gelap apabila ia masuk. Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan). Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya.*”

Ketika mentafsirkan surah di atas, ZAG menyatakan bahawa (al-Jubailī, 2006):

“*Katakanlah Wahai Muhammad, sesungguhnya aku berlindung dengan Tuhan yang menciptakan Pagi. Iaitu Tuhan Sekalian Alam dan Tuhan yang telah menciptakan seluruh cakerawala. Allah menciptakan daripadanya belahan bumi*

atau langit. Aku berlindung dengan-Nya dari segala kejahatan manusia dan Jin dan daripada kejahatan sekalian makhluk. Dan kami berlindung dengan-Mu Ya Tuhan, daripada kejahatan malam dan segala kegelapannya. Iaitu kegelapan yang menutup seluruh makhluk yang ada di sekitarnya. Dan kami berlindung dengan-Mu dari kejahatan tiupan-tiupan di tali ikatan ahli-ahli sihir, tukang tilik yang jahat lagi berdosa dan dari kejahatan orang yang dengki bila mana dia dengki.”

Berdasarkan tafsiran di atas, ZAG menekankan tentang peri pentingnya memohon perlindungan hanya kepada Allah SWT semata. Penekanan tauhidik ini dapat difahami menerusi pentafsian beliau pada surah ini yang menunjukkan bahawa Allah SWT telah mendidik Rasulullah SAW dan umatnya agar mendapatkan perlindungan hanya kepada Allah SWT daripada segala kejahatan makhluk yang terdiri daripada manusia, jin dan kejahatan yang ada di kegelapan malam. Justeru itu, umat Islam mestilah sentiasa memohon perlindungan daripada Allah SWT dari segala kejahatan makhluk, hembusan jampi serapah tukang sihir dan santau pendengki yang memberi kesan buruk (Ramli & Yusoff, 2019). Hal ini menunjukkan bahawa perlindungan dari Allah SWT itu lengkap dan sesungguhnya hanya Allah SWT sahaja yang mampu melindungi diri seseorang dari segala kejahatan makhluk-makhluk-Nya (Ibn Kathīr, 2000).

Asbāb al-nuzūl kepada surah ini diturunkan rentetan peristiwa Nabi Muhammad SAW terkena sihir (Yusof & Yusoff, 2004) seperti dipetik daripada pendapat Ibn ‘Abbas dan ‘Aishah RA yang menyebutkan bahawa seorang budak suruhan dari kalangan Yahudi yang menjadi khadam Rasulullah SAW telah mengambil rambut dan beberapa gigi sikat yang digunakan untuk menyikat rambut Rasulullah SAW dan diberikan kepada orang Yahudi tersebut yang digunakan oleh Labid bin

al-A'sam untuk menyihir Rasulullah SAW. Demikian juga disebutkan dari pendapat al-Baghāwī yang mengatakan bahwa Allah SWT menurunkan dua surah tersebut yang terdiri daripada 11 ayat (5 ayat surah al-Falaq dan 6 ayat surah al-Nās). Apabila Nabi SAW membaca kedua-dua surah ini, terungkailah segala ikatan sehingga Nabi SAW bangun seolah-olah terlepas daripada suatu tambatan atau ikatan yang mengikat diri baginda SAW. Ada pendapat yang mengatakan baginda menghadapi keadaan tersebut (kesan disihir) selama enam bulan, dan bersangatan sakit selama tiga hari. Lalu diturunkan *al-Mu'awwidhatain* (Ahmad, Suliaman, & Ariffin, 2012).

Selain itu, surah ini mentarbiah akidah umat Islam untuk mengelak daripada perbuatan sihir yang berpunca daripada hasad dengki. Amalan sihir sama ada melalui amalannya sendiri mahupun memohon bantuan tukang sihir yang lain. Tujuannya adalah untuk menghilangkan kesenangan, kebahagiaan, kemajuan, kesihatan dan sebagainya kepada seseorang dengan mendatangkan kesakitan, kecelaruan sehingga kesenangan atau kebahagiaan seseorang itu hilang (Kusmin, 2018).

4.4 Mengenali dan mengiktiraf Allah SWT dengan segala sifat-Nya

Dalam surah al-Nās [114] ayat 1 hingga 6, Allah SWT berfirman:

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ١ مَلِكِ النَّاسِ ٢ إِلَهِ النَّاسِ ٣ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ٤
الَّذِي يُوسَسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ٥ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ٦

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): *“Aku berlindung kepada (Allah) Pemulihara sekalian manusia. Yang Menguasai sekalian manusia. Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia. Dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam. Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia. (Iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia.*

Ketika mentafsirkan surah di atas, ZAG menyatakan bahawa (al-Jubailī, 2006):

“Ketiga-tiga sifat iaitu Rubūbiyyah, l-Mālik dan Ilāhiyah adalah merupakan sifat Allah SWT. Allah SWT, Dia adalah Pencipta, Pemilik segala sesuatu (makhluk) dan Tuhan yang hanya Dia sahaja patut disembah. Orang yang memohon perlindungan diperintahkan untuk meminta perlindungan dengan kuasa yang memiliki sifat-sifat ini Memohon perlindungan daripada segala kejahatan bisikan yang tersembunyi iaitu syaitan. Katakanlah wahai Muhammad, sesungguhnya aku kembali kepada Allah SWT dan aku berlindung dengan-Nya dan aku memohon agar Allah SWT melindungi aku dari kejahatan manusia kerana Dia adalah Tuhan sekalian manusia. Dan Dia adalah Raja Pemilik sekalian alam dan manusia, Dia Tuhan para manusia yang mengatur diri mereka dan keadaan mereka. Aku berlindung dengan-Nya dari kejahatan segala bisikan yang tersembunyi iaitu syaitan yang berbisik-bisik di dada-dada/hati-hati manusia untuk memburuk-buruk dan merosakkan mereka. Aku berlindung dengan Allah SWT daripada kejahatan para syaitan iaitu dari kalangan jin dan manusia. Kita memohon Allah memelihara kita dan melindungi kita daripada kejahatan syaitan yang kena rejam dan menjadikan kita di dalam penjagaan Allah Yang Maha Tinggi lagi Agung.”

Berdasarkan tafsiran di atas, ZAG berusaha mentarbiah akidah pembaca Muslim untuk mengenali dan mengiktiraf Allah SWT dengan segala sifat-Nya yang mulia. Tarbiah ini dapat difahami menerusi perbincangan surah al-Nās yang mendidik asas akidah merangkumi sifat *al-Rubūbiyyah*, *Al-Mālik* dan *al-Ilāhiyah* dalam segala tindakan, pengabdian

dan ketika memohon perlindungan daripada-Nya. Allah SWT memberi jaminan perlindungan kepada hamba-Nya dan panduan untuk memohon perlindungan dari-Nya daripada segala bentuk keburukan yang zahir dan tersembunyi. Justeru itu, umat Islam mestilah sentiasa memohon perlindungan dari Allah SWT dan yakin bahawa Allah SWT akan sentiasa melindungi mereka.

Ibn Kathīr (2000) menyatakan bahawa ketiga-tiga ayat pertama surah ini merupakan sebahagian daripada sifat-sifat Allah SWT, iaitu sifat *Rubūbiyah* (Tuhan), *al-Mulk* (Raja), dan *Ulūhiyyah* (yang disembah). Dia adalah Tuhan segala sesuatu, yang memilikin dan yang disembah oleh semuanya. Maka segala sesuatu adalah makhluk yang diciptakan-Nya, milik serta menjadi hamba-Nya. Orang yang memohon perlindungan diperintahkan agar dalam permohonannya menyebutkan sifat-sifat tersebut agar dielakkan daripada kejahatan godaan yang tersembunyi, iaitu syaitan yang selalu mendampingi manusia. Disebabkan tiada seorang manusia pun melainkan mempunyai *qarīn* (pendamping) daripada kalangan syaitan yang menghiasi perbuatan-perbuatan buruk sehingga kelihatan elok olehnya. Syaitan itu juga tidak segan silu mencurahkan segala kemampuannya untuk menyesatkan melalui bisikan dan godaan, dan orang yang dapat terbebas daripada bisikannya hanyalah orang yang dipelihara oleh Allah SWT.

Oleh sebab itu, dapat difahami bahawa dalam surah al-Nās ini Allah SWT diperkenalkan melalui tiga (3) identiti utama, iaitu *al-Rab*, *al-Mālik* dan *al-Ilāh*. Jika diteliti dari ayat pertama hingga ketiga fokus utama diberi kepada makhluk bernama manusia yang membuktikan betapa

jelasan kasih sayang dan istimewanya manusia yang diciptakan-Nya. Dengan ketiga-ketiga sifat ini, Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW dan umatnya untuk memohon perlindungan hanya kepada-Nya dari keburukan was-was yang dihembuskan syaitan. Dengan begitu, sebuah tarbiah akidah bahawa semua makhluk Allah SWT adalah lemah, perlukan pertolongan-Nya. Al-Qurṭubī (2006) berkata bahawa Allah SWT sebagai raja manusia dan yang menguruskan segala urusan mereka. Adapun disebutkan Allah SWT sebagai Tuhan manusia (*rab al-nās*) meskipun Dia sememangnya Tuhan sekalian makhluk adalah merujuk dua perkara. Pertamanya disebabkan manusia itu dimuliakan, maka dimaklumkan kepada manusia bahawa Allah SWT sebagai Pencipta mereka walau sehebat apapun anak manusia. Yang kedua, kerana Allah SWT memerintahkan mereka untuk berlindung kepadaNya daripada keburukan. Maka sedarlah manusia bahawa Allah SWT yang menjadi tempat Pelindung bagi mereka.

5. KESIMPULAN

Pemilihan ke atas tokoh mufasir wanita ulung abad ke dua puluh, dengan karya tafsir pertama darinya yang berjudul *Nazarāt fī Kitābillah* dapat menjadi contoh, dorongan dan ikutan unggul bagi seluruh Muslimat. Dengan pemilihan surah-surah ini juga harap dapat dijadikan pengajaran dalam membentuk akidah yang sempurna dalam diri Muslim khususnya, keluarga dan masyarakat amnya.

Tarbiah akidah dalam surah Makkiyah terpilih ini dapat mewujudkan kesadaran dalaman untuk menjadi mukmin yang sempurna. Manhaj al-Quran dalam *tarbiyah fardiyah* yang menjadikan seorang mukmin mendapati kewujudan Allah SWT pada setiap apa yang diperintahkan. Seorang mukmin juga menjauhkan daripada perkara yang dilarang Allah SWT, sentiasa beramal soleh dan saling bantu membantu dalam kebaikan sebagai manifestasi takwa. Mukmin sejati tidak sama sekali bantu-membantu dalam urusan dosa dan permusuhan, serta melarang daripada kemungkaran, beramal untuk menegakkan kalimah Allah SWT, berkorban pada setiap apa yang dimiliki daripada dirinya, hartanya, agamanya dan kemuliaan umatnya.

6. RUJUKAN

- 'Izzudin, S. A. (2002). *Tarbiyah dzatiyah kiat sukses menejemen diri*. Solo, Indonesia: Burhanul Ikhwan Product.
- Ahmad, K., Suliaman, I., & Ariffin, S. (2012). Sorcery treatment on Ibn Qayyim al-Jawziyya's (691H/1292M-751H/1350M) perspective and the reality in islamic medical centre in Malaysia: a comparative studies. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 10(1), 63-83. <https://doi.org/10.1163/22321969-90000034>.
- Akmansyah, M. (2014). Metode pendidikan akidah dalam tradisi propetik Nabi Muhammad SAW. *Ijtimaiyya: Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*, 7(2), 21-40. <https://doi.org/10.24042/ijpmi.v7i2.926>.

- al-Abdlie, J. J. A. (2019). *A multidimensional approach to Islamic feminism: comparing the writings of Amina Wadud, Fatima Mernissi, and Zainab Al-Ghazali*. (Tesis Sarjana, Hamad Bin Khalifa University, Qatar).
- al-Ashqar, U. S. (1984). *'Aqīdah fī Allah*. Kuwait: Maktabah al-Falāh.
- al-Ghazālī, A. H. (2005). *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyah.
- al-Ghazali, Z. (1989). *al-Daiyah Zaynab al-Ghazali: Masirat jihad wa hadith min al-dhikrayat min khilal kitabatiha*. Kaherah: Dar al-I'tisam.
- al-Jubailī, Z. A. (1994). *Nazarāt fī Kitābillah*. Jil. 1. Kaherah: Dar al-Tauzi' Wa al-Nashr.
- al-Jubailī, Z. A. (2006). *Nazarāt fī Kitābillah*. Jil. 2. Kaherah: Dar al-Tauzi' Wa al-Nashr.
- al-Qaraḍāwī, Y. (1983). *Ḥaqīqat al-Tawḥīd*. Kaherah: Maktabah al-Wahbah.
- al-Qurṭubī, A. A. (2006). *al-Jāmi' li aḥkām al-Qur'ān*. Jil. 16. Beirut: Maktabah al-Risalah.
- al-Zuḥailī, W. (1991). *Tafsir al-Munīr*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Anggraeni, N. (2016). *Zainab al-Ghazali dan perjuangannya dalam Ikhwanul Muslimin tahun 1937-1965 M*. (Latihan Ilmiah, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta).
- Ardae, M. (2020). Peranan ulama dalam melestarikan pendidikan akidah Islamiyyah di era revolusi industri 4.0. *Jurnal Al-Sirat*, 2(18). Retrieved from <https://ejournal.kuipsas.edu.my/index.php/qwefqwefq/article/view/9>.

- Azty, A., Fitriah, F., Sitorus, L. S., Sidik, M., Arizki, M., Siregar, M. N. A., ... & Suryani, I. (2018). Hubungan antara aqidah dan akhlak dalam Islam. *Journal of Education, Humaniora and Social Sciences (JEHSS)*, 1(2), 122-126. <https://doi.org/10.34007/jehss.v1i2.23>.
- Debian, R. E. (2017). Packaging Zainab Al-Ghazali: the gendered politics of translation and the production of “Moderate” Muslim Sister and Islamism. *International Relations*, 5(4), 205-224. <https://doi.org/10.17265/2328-2134/2017.04.002>.
- Fitriyah. (2017). *Kesetaraan gender menurut Zainab Al-Ghazali: studi analisis tafsir Nazharat Fi Kitabillah*. (Tesis Sarjana, Institut Ilmu Al-Quran (IIQ), Jakarta).
- Fuadi, H. (2012). *Nilai-nilai pendidikan yang terkandung dalam surat al-Kafirun ayat 1-6* (Latihan Ilmiah, IAIN Padangsidimpuan).
- Hamdan, N. A., Samian, A. L., & Muslim, N. (2017). Pandangan Khalijah Salleh terhadap sains tauhidik ke arah membangunkan tamadun Melayu. *Sains Insani*, 2(1), 54-60. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no1.51>.
- HAMKA. (2018). *Tafsir Juz Amma Hamka*. Selangor: PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Hamzah, M. S., Laki, A. F., Embong, R., & Din, N. M. N. (2015). Penerapan akidah dalam dasar pendidikan Malaysia: analisis terhadap falsafah pendidikan negara dan Islam Hadhari. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 1-11.
- Hashim, Z. & Mohamad Nor, R. (2009). *Tokoh-tokoh gerakan Islam abad moden*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.

- Herry, S. H. (2019). *Zainab Al-Ghazali tokoh reformis Islam di Mesir (1917-2005)*. (Latihan Ilmiah, Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar).
- Ibn Kathīr, A. F. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Jil. 14. Giza, Mesir: Mu'assasah Qurtubah.
- Ibn Manzūr, M. (2005). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadr.
- Ibrahim, R. (2016). Strategi pembelajaran pengaturan sendiri pendidikan akidah Islam penuntut-penuntut Melayu di Universiti Malaysia Kelantan. *Albasirah Journal*, 6(1), 107-121. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/18966>.
- Kasim, A. Y., Hamid, S. A., & Jemali, M. (2017). Pengajaran akidah dalam kalangan mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 9(3), 89-100.
- Kusmin, Z. A. (2018). Membangun prosedur khusus bagi mengendalikan kes perceraian akibat dakwaan sihir. *Human Sustainability Procedia*.
- Lewis, P. (2007). Zainab al-Ghazali: Pioneer of Islamist Feminism. *Journal of History*, 1-47.
- Meerangani, K., & Ramli, R. (2016). Isu penggunaan kalimah Allah oleh pihak Kristian: analisis menurut hukum Islam. *Jurnal Fiqh*, 13, 117-138. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol13no1.5>.
- Mohd Ghazali, U. Z., & Sabjan, M. A. (2019). Zainab Al-Ghazali: sejarah kebangkitan Mujahidah Islam di Mesir. *'Abqari Journal*, 19(1), 46-58. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol19no1.192>.

- Muda, K., Mastor, K. A., & Tohar, S. A. (2019). Faktor demografi dalam toleransi beragama dalam kalangan belia di Malaysia: The Demographical Factors in Religious Tolerance among Youth in Malaysia. *Sains Insani*, 4(2), 76-81. <https://doi.org/10.33102/jsi2019.4.2.09>.
- Mujib, A. (1997). *Hakikat Pendidikan Islam*. (Latihan Ilmiah tidak diterbitkan), IAIN Imam Bonjol Padang, Indonesia.
- Mursi, M. S. (2011). *Tokoh-tokoh besar Islam sepanjang zaman*. Kuala Lumpur: al-Hidayah.
- Naufal, M. (2017). *Konsep pendidikan aqidah perspektif Syaikh Shalih Fauzan al-Fauzan*. (Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung).
- Qomariyah, S. L. (2017). *Kedudukan perempuan dalam rumah tangga menurut Zainab Al-Ghazali dalam Tafsir Nazarati Fi Kitab Allah*. (Tesis Sarjana, Uin Sunan Kalijaga, Yogyakarta).
- Rahman, N. F. A., Khambali, K., Shapiee, N. S., & Kahar, N. A. (2020). Pendefinisian Pluralisme Agama dalam Konteks Malaysia. *Islāmiyyāt*, 41(2), 61-70. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/36937>.
- Ramli, K., & Yusoff, S. H. (2019). Perubatan Nabi: kefahaman terhadap sunnah dan praktis perawat. *Abqari Journal*, 17(1), 97-106. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol17no1.89>.
- Ridwan, M. (2018). Konsep tarbiyah, ta'lim dan ta'dib dalam al-Qur'an. *Nazhruna: Jurnal Pendidikan Islam*, 1(1), 37-60. <https://doi.org/10.31538/nzh.v1i1.41>.
- Rochmad, R., & Khaled, N. A. (2020). Qadhâya al-Mar'ah al-Ijtima'iyah al-Haditsah 'Inda Zainab Al-Ghazali Fi Tafsiriha

- “Nazharât Fî Kitâbillah”. *Studia Quranika*, 4(2), 201-222.
<http://dx.doi.org/10.21111/studiquran.v4i2.3808>.
- Salleh, N. M., Tamuri, A. H., Usman, A. H., Haridi, N. H. M., & Zabidi, M. M. (2015). The internalization of islamic creed among the Muslim adolescents in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(6 S4), 18-18.
<http://dx.doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n6s4p18>.
- Shafiyah, A. (2003). *Kiprah politik muslimah: konsep dan implementasinya*. Yogyakarta: Gema Insani Press.
- Suryana, E. (2020). *Nilai-nilai pendidikan tauhid dalam al-Quran surah al-Ikhlâs ayat 1-4 menurut Tafsir Ibnu Katsir*. (Latihan Ilmiah, UIN Raden Fatah Palembang).
- Urwah, A. (1987). *Risalah Usrah*. Jil. 3. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Usman, A. H., & Ibrahim, M. (2014). *Al-Tafsir al-Mawdu'i: lafaz al-Nafar dalam al-Quran*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Usman, A. H., & Kadir, M. N. A. (2020). Discussion on the *Maqāṣid al-Qur'ān*: classical and contemporary intellectual response. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(1), 188-196. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/67>.
- Usman, A. H., Nasir, M. N., Salleh, N. M., Shaharuddin, S. A., Wazir, R., & Shahabudin, M. F. R. (2020). Elemen Anti Pedofilia Menurut Hadis Perkahwinan Rasulullah SAW Bersama ‘Ā’isha RA. *HADIS*, 10(19), 551-561. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/81>.

- Usman, A. H., Salleh, N. M., Shaharuddin, S. A., Wazir, R., Nasir, M. N., & Razi Shahabudin, M. F. (2019). Pedophilia in Quranic Perspective: a Thematic Analysis. *Religación, 4*, 94-99.
- Usman, A. H., Shaharuddin, S. A., & Abidin, S. Z. (2017). Humanism in Islamic education: Indonesian references. *International Journal of Asia-Pacific Studies, 13*(1).
<http://dx.doi.org/10.21315/ijaps2017.13.1.5>.
- Uthman, I. O. (2011). A re-reading of the Egyptian Zaynab al-Ghazzali, the muslim brotherhood and the islamic feminist movement in contemporary society. *International Journal of Sociology and Anthropology, 3*(11), 407-415.
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Salleh, N., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. (2020). Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 5*(2), 415-424. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/95>.
- Yusof, R. J. R., & Yusoff, Z. M. (2004). Analisis kuantitatif perkataan-perkataan dalam surah al-Muawwidhat. *Jurnal Usuluddin, 20*, 105-124. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4213>.
- Zahalan, N. M. H., Abous, M., & Bharuddin, A. S. (2019). Hubungan Kemasyarakatan Muslim dengan Non-Muslim Mengikut Perspektif Maqasid Syariah di Malaysia. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.
<https://doi.org/10.33102/abqari.vol20no2.205>.